

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	04 MAY 2017

# Semangat Negaraku rentas benua

→ MAB papar logo inisiatif pada pesawat, kisah wira negara dalam majalah penerbangan

Oleh **Magendran Rajagopal**  
magendran@bh.com.my

Putrajaya

**P**enerbangan Malaysia Berhad (MAB), semalam berikrar menyatakan sokongan terhadap inisiatif Negaraku yang bermatlamat memupuk perpaduan dan menyuburkan semangat patriotisme dalam kalangan rakyat.

Majlis ringkas untuk tujuan itu disempurnakan di Perdana Putra, di sini sambil disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan Pengerusi MAB, Tan Sri Md Nor Md Yusof.

Yang turut hadir Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai; Menteri Komunikasi dan Mul-

timedia, Datuk Seri Salleh Said Keruak serta Ketua Pegawai Eksekutif MAB, Peter Bellew.

## Saluran terbaik

Menurut kenyataan MAB, syarikat penerbangan itu gembira diberikan peluang untuk turut serta menyemarakkan semangat kemerdekaan dalam kalangan rakyat negara ini.

Katanya, peluang mengibarkan Jalur Gemilang menjadi saluran terbaik bagi menyerlahkan keunikan negara kepada penumpang yang menggunakan khidmat syarikat itu, terutama pelancong asing.

“MAB juga yakin semangat perpaduan rakyat yang dipacu oleh sikap cintakan tanah air menjadi kunci kemajuan negara menuju



**NEGARAKU**

kemakmuran yang akan memanfaatkan seluruh rakyat Malaysia,” kata syarikat itu.

## MAB beri komitmen penuh

Sementara itu, Bellew berkata, MAB sebagai syarikat 100 peratus milik Malaysia, bangga memberi komitmen penuh dalam menjayakan inisiatif Negaraku.

Katanya, MAS antara lain akan memaparkan logo inisiatif itu pada pesawat terpilih, menentanghkan kisah wira negara menerusi majalah dalam pesawat, selain segmen khas ketika siaran hiburan dalam penerbangan.

“Ia juga dipakai sebagai pin oleh kakitangan MAB selain tertera pada semua dokumen, termasuk pas memasuki pesawat dan e-mel babitkan syarikat berkenaan,” katanya.

BH-4/5/2017